

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD
(PASIR PUTEH)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai 20 orang terkaya dalam kalangan rakyat Malaysia bagi tahun 2015. Berapakah cukai pendapatan yang dibayar oleh tiap-tiap orang ini bagi tahun 2015.

JAWAPAN

JAWAPAN:

Ahli Yang Berhormat,

Maklumat pembayar cukai pendapatan seperti cukai yang dibayar adalah tertakluk kepada kerahsiaan yang tidak boleh diberikan untuk kegunaan pihak luar. Peruntukan kerahsiaan ini dinyatakan dibawah seksyen 138 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang menghalang

Kerajaan daripada mendedahkan maklumat pembayar cukai pendapatan kepada mana-mana pihak.

Aspek kerahsiaan maklumat pembayar cukai ini bertujuan untuk menjaga kepentingan pembayar cukai dan keyakinan mereka kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) bahawa maklumat peribadi mereka sentiasa disimpan dan dilindungi dengan rapi. Pada masa sama, aspek kerahsiaan ini menunjukkan tahap integriti tertinggi di pihak Kerajaan dan LHDN yang mengiktiraf pembayar cukai yang patuh kepada undang-undang cukai.